

30 OCT 2003

Parlimen-Mahathir (polarisasi)

MASUK BN JIKA MAHU ELAK POLARISASI

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini secara berseloroh menyarankan agar anggota-anggota pembangkang supaya menyertai Barisan Nasional sekiranya mahu mengelakkan polarisasi kaum.

Perdana Menteri berkata masalah polarisasi tidak wujud dalam BN kerana kesemua 14 parti komponennya mampu duduk semeja untuk berbincang sebarang perkara termasuk isu-isu sensitif.

"Kita berbincang dengan tidak ada emosi dan tidak ada perasaan meluap-luap," katanya pada persidangan Dewan Rakyat ketika menjawab soalan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) yang ingin tahu tentang tindakan paling penting bagi mengelak gejala polarisasi.

Umpamanya, kata Dr Mahathir, ketika membincangkan soal sekolah wawasan, kesemua 14 parti komponen BN yang mewakili pelbagai kaum telah berbincang untuk mencapai satu persetujuan dengan satu cara pendekatan.

"Itu menyebabkan kita boleh bertindak secara harmoni," katanya.

Namun, kata Dr Mahathir, sudah terdapat unsur-unsur tiruan oleh pihak pembangkang yang cuba mengikuti pendekatan BN.

"Kita lihat ada tiruan, dan tiruan nampak tak begitu berjaya. Orang ini nak buat hudud, orang ini benci hudud, sampaikan ada yang kata langkah mayat aku dulu baru boleh buat hudud.

"Banyak itupun tak boleh selesai, tambah pula nak ada toleransi supaya dapat bekerjasama. Inilah, bila ada tiruan, kualiti dia kurang baik sikit.

"Jadi, sebenarnya, jawapan saya...masuk BN...senang," katanya.

Selain itu Dr Mahathir menggamatkan sidang dewan apabila berkata anggota pembangkang seperti burung tiang yang suka mengambil dan mengulang kata-kata negara barat.

Beliau merujuk kepada ungkapan yang dibuat oleh Mohamed Nasir Che Daud (PAS-Kuala Krai) dalam soalan tambahannya di mana Mohamed Nasir menggunakan kata-kata 'Tyranny of Majority' yang sering dilaung-laungkan oleh negara Barat.

Perdana Menteri terus mencuit hati anggota dewan apabila beliau menyindir pembangkang yang selalu mempertikaikan setiap projek mega kerajaan.

"Dulu kita nak buat Jambatan Pulau Pinang, wah, cukup marah parti pembangkang. Sekarang ini, minta lagi satu (jambatan)... tak cukup satu, nak lagi satu.

"Kita buat jugalah kerana kalau tidak, orang Pulau Pinang akan ikut Malik Mydin berenang setiap hari (berulang alik antara Seberang Prai-Pulau Pinang)," katanya yang disambut deraian ketawa anggota dewan.

Sementara itu Dr Tan sebelum mengemukakan soalan tambahan membacakan pantun empat kerat sebagai penghormatan kepada Dr. Mahathir yang berbunyi :

"Anak merpati disambar helang
Terbang kedidi di dalam rumah
Harimau mati meninggalkan belang
Manusia mati meninggalkan nama".

-- BERNAMA

NN SNS HM PR